

13 APR 1998

Samy-Air

KUALA LUMPUR AMBIL ALIH PENGURUSAN BEKALAN AIRNYA DARI SELANGOR

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Kuala Lumpur bercadang mengambil alih pengurusan bekalan air di kawasan itu dari kerajaan negeri Selangor, mengikut kertas Kabinet yang disediakan oleh Kementerian Kerja Raya.

Menteri berkenaan Datuk Seri S.Samy Vellu berkata bagaimanapun kementerian itu perlu merujuk perkara itu kepada kementerian-kementerian berkaitan sebelum kertas berkenaan dikemukakan kepada Kabinet untuk kelulusan.

Ketika ditemui pemberita di sini hari ini, Samy Vellu tidak menyatakan bila kertas itu akan siap tetapi mengaku bahawa perkara itu perlu "perhatian segera."

"Walaupun kami (Kuala Lumpur) membeli air dari Selangor, kami masih mahu melaksanakan retikulasi yang sepenuhnya di Wilayah Persekutuan kerana kehilangan air di Wilayah Persekutuan sekarang mencapai 40 peratus," kata beliau.

Beliau berkata jika 20 peratus daripada jumlah itu (40 peratus) dapat diselamatkan, "kita tidak memerlukan lagi air dari negeri-negeri lain."

Beliau berkata air boleh dijimatkan jika pengurusan bekalan di Wilayah Persekutuan diasingkan daripada Selangor.

Samy Vellu juga berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju terhadap kerja-kerja pemasangan paip di Sungai Gombak untuk menyalurkan air kepada penduduk di Wangsa Maju di sini.

"Kita sama ada boleh menyalurkan air dari Sungai Gombak ke empangan (Klang Gates) atau ke loji rawatan air yang baru di Wangsa Maju yang akan siap pada 16 Julai," kata beliau.

Beliau berkata walaupun perkara itu di bawah bidang kuasa kerajaan negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan terpaksa campurtangan "kerana kita bertanggungjawab kepada penduduk Wilayah Persekutuan."

Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) sebelum itu hari ini menggesa supaya kerajaan meminda Perlembagaan Persekutuan untuk meletakkan air ke dalam bidang kuasa kerajaan pusat. -- BERNAMA

ES FAZ